

Festival Antarabangsa PETALING JAYA
 GAYA HIDUP LESTARI
 Kehidupan Hijau
 21 - 22 Disember 2013

PERCUMA 20 - 27 Disember 2013, 17 - 24 Safar 1435

Populariti PM menjunam!

muka 2



KARNIVAL KOMUNITI "TELEMATCH"
 22 DISEMBER 2013

Kos hidup menghimpit rakyat

Kerajaan Pusat tidak peduli

OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) menjangkakan tahun 2014 sebagai tempoh yang mencabar buat pengguna, ekoran kenaikan harga barang dan perkhidmatan yang bertubi-tubi.

Pengarah Komunikasi Fomca, Mohd

Yusof Abdul Rahman, berkata pihaknya memandang serius program rasionalisasi subsidi yang disifatkan rasional hanya bagi pemerintah.

"Bagi Fomca, tiada rasional untuk rasionalisasi subsidi kerana ia akan membebankan pengguna," tegas beliau.

"Sekiranya ia terus berlaku, maka

2014 adalah tahun yang menduga dan mencabar buat pengguna ekoran kenaikan harga barangan dan perkhidmatan," katanya ketika dihubungi Selangor Kini.

Ketika ditanya jangkaan barangan dan perkhidmatan yang akan terkesan dengan kenaikan kadar tol dan tarif elektrik, Yusof berkata, kesannya terla-

“

Sekiranya ia terus berlaku, maka 2014 adalah tahun yang menduga dan mencabar buat pengguna ekoran kenaikan harga barangan dan perkhidmatan

MOHD YUSOF

Pengarah Komunikasi FOMCA

lu panjang untuk disenaraikan.

"Hampir semuanya akan terkesan," jawabnya, dan menambah, "tetapi ia sangat rasional buat kerajaan kerana mengurangkan tanggungan subsidi dan menambah hasil pendapatan."

Pendapat Fomca itu dipersetujui pelbagai pakar yang ditemui media. Pakar ekonomi kanan Malaysian Rating Corporation (MARC), Nor Zahidi Alias, berkata kenaikan gula dan bahan bakar sebelum ini, ditambah dengan kenaikan tarif elektrik tidak lama lagi akan memberi tekanan kepada harga dan memperlahankan perbelanjaan pengguna.

Rasionalisasi bermula dengan kencing selepas kemenangan BN dalam pilihan raya umum (PRU) lepas. Ia bermula dengan kenaikan 20 sen petrol RON95 dan diesel, disusuli kenaikan harga gula sebanyak 34 sen, kenaikan tarif elektrik sebanyak 4.99 sen setiap kilowatt jam, kadar baru bagi gas, tambang baru LRT dan monorel, dan kenaikan 300 peratus cukai pintu kediaman di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



BERSEMANGAT... Menjelang pembukaan sesi persekolahan tahun 2014, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, yang juga merupakan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, menyerahkan beg baru kepada seramai 300 pelajar yang kurang berkemampuan di kawasan Parlimen beliau

Angkara tidak peduli keluhan rakyat

Populariti PM menjunam

SHAH ALAM - Populariti Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak di kalangan pengundi menjunam 10 mata kepada 52 peratus dalam bulan Disember berbanding Ogos tahun ini menurut satu tinjauan baru oleh

pusat kajian Merdeka Center.

Merdeka Center berkata, tinjauan itu dibuat di kalangan 1,005 orang responden terdiri daripada pengundi Melayu, Cina dan India di Semenanjung Malaysia di antara 4 hingga 12

Disember 2013.

"Masa culaan ini dibuat adalah selepas pengurangan subsidi bahan bakar pada September 2013, pembentangan belanjawan negara 2014 sewaktu kerajaan mengumumkan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dan kenya-

taan tambahan berkenaan kenaikan tarif elektrik yang dijangka bermula pada Januari 2014," kata Merdeka Center dalam kenyataannya.

Data berkenaan merekodkan tahap populariti Najib yang paling rendah sejak dilantik sebagai Perdana Menteri pada September 2009.

Populariti beliau direkodkan paling banyak merosot di kalangan pengundi masyarakat India, iaitu sebanyak 19 peratus - 76 peratus pada Ogos lalu dan kini menjunam kepada 57 peratus.

Bagaimanapun, populariti Najib hanya merosot sedikit di kalangan pengundi tanpa capaian Internet - sebanyak lima per-


tus sahaja berbanding pengundi tanpa capaian Internet dengan kadar kemerosotan lebih dua kali ganda sebanyak 12 peratus.

Kajian yang sama juga mendapati sebahagian besar responden tidak faham bagaimana GST akan memanfaatkan mereka.

"Culaan ini mendapati 55 peratus daripada pengundi semenanjung Malaysia melaporkan mereka kurang faham bagaimana GST akan berfungsi dan memberi kesan kepada mereka," kata kenyataan itu.

Di samping itu, 54 peratus daripada responden juga tidak percaya kepada kenyataan pemimpin kerajaan berkenaan situasi ekonomi negara, menurut Merdeka Center.

Carta Prestasi PM



BERPUAS HATI 52%

TIDAK BERPUAS HATI 41%

KOMEN RAKYAT - ISU HARGA BARANG NAIK



Mohd Nizam Rashid, 29
Peniaga

"Kenaikan harga minyak dan barangan menyebabkan kos sara hidup rakyat turut meningkat. Kesannya memang dirasakan oleh rakyat kebanyak-an.

"Saya sebagai peniaga turut terkesan, di mana terpaksa memasarkan barangan jualan saya pada harga yang sama. Sedangkan saya terpaksa menanggung lebih kos ekoran kenaikan harga tol dan elektrik.

"Selepas ini mungkin banyak lagi harga barangan lain akan naik seperti rokok, selain caj perkhidmatan pengangkutan awam serta perkhidmatan pos laju dan kurier.



Fazillah Jamaluddin, 24
Pelajar Universiti

"Kampus universiti di Shah Alam, tetapi saya perlu berulang alik dari rumah di Damansara ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, setiap hari untuk pengajian.

"Dari segi perbelanjaan, ia meningkat hampir 100 peratus kerana terpaksa menggunakan kereta, selain pengangkutan awam.

"Bila harga minyak sebagai barangan keperluan asas naik, harga barangan lain juga turut akan naik. Rakyat tentu ingin mengelak perkara ini, maka tanggungjawab kerajaan untuk mengekangnya.



G Naresh, 28
Pemandu Lori

"Dengan kenaikan harga barangan, saya terpaksa mengurangkan belanja dengan pendapatan saya yang tidak seberapa. Ia menambahkan bebanan kepada saya bersama isteri dan tiga anak. Saya yakin orang lain juga menghadapi dilema sama.

"Saya rasa akan banyak lagi barang akan naik mungkin susu. Kos pengangkutan awam tentunya akan naik.

"Kerajaan patut mengkaji perkara ini supaya rakyat tidak terbeban. Saya yakin harga barang boleh dikawal kenaikannya dengan rakyat bebas dari mengganggu beban".

Dari muka 1

Kesan meluas kenaikan harga

Pakar ekonomi kanan RAM Holdings, Dr Yeah Kim Leng, berkata kenaikan mendadak boleh melonjakkan kos kehidupan yang akan menjejaskan ekonomi, dengan kesan yang meluas pada masyarakat.

Pendapat itu diulangi oleh Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia. Pengerusi FMM Pulau Pinang, Lee Teong Lai, berkata kenaikan kadar tol akan menaikkan kos pengangkutan, lantas menaikkan kos perusahaan.

Fomca berkata, tidak wajar untuk kerajaan memenangkan syarikat konsesi berbanding rakyat yang akan berbelanja lebih menampung kenaikan tersebut.

"Kerajaan sewajarnya menyemak semula perjanjian konsesi yang dimeterai dengan syarikat konsesi sebelum ini. Ini kerana syarikat konsesi mendapat keuntungan besar saban tahun," jelas Yusof.

Mengulas lanjut isu kenaikan takrif elektrik, Yusof mencadangkan kerajaan mengkaji semula kadar pembelian tenaga daripada Penjana Tenaga Bebas (IPP).

"Sekiranya mana-mana IPP sudahpun memperoleh keuntungan dan mampu membuat bayaran balik pinjaman pengurusannya, maka ia memungkinkan penurunan kadar pembelian tenaga," katanya.

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Kewujudan penempatan dan tanah berhak milik bersebelahan rizab sungai dikenal pasti antara faktor yang menyukarkan usaha pelebaran sungai untuk mengatasi bencana banjir.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata Kerajaan Negeri bersedia untuk mengambil alih kawasan terbabit demi memastikan bencana dapat dibendung dan penduduk berhampiran terselamat daripada malapetaka banjir.

Pejabat Tanah dan Galian dengan serta-merta diarah untuk bekerjasama dengan pejabat tanah berkaitan untuk mengenal pasti kawasan yang memerlukan kerja-kerja pelebaran sungai.

Serentak dengan itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diarah untuk mengenal pasti kawasan sesuai untuk mendirikan kolam tadahan air.

"Tanah-tanah ini akan diambil alih Kerajaan Negeri jika perlu kerana usaha ini untuk kepentingan serta keselamatan

Sedia ambil alih tanah bagi atasi banjir

rakyat," kata Abdul Khalid dalam sidang media selepas Mesyuarat Exco, di sini.

Strategi mengatasi malapetaka banjir antara agenda yang diberi perhatian khusus oleh Kerajaan Negeri.

Selangor Kini difahamkan kesemua pihak berwajib dibawah Kerajaan Negeri diarah bersiap sedia.

Di bawah Pelan Pencegahan Banjir Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015), JPS memohon sebanyak RM774.6 juta di bawah Program Pengurusan Banjir dan Menaiktaraf Saliran. RM93 juta diluluskan Kerajaan Persekutuan, manakala RM567 juta dari Kerajaan Negeri bagi tujuan itu.

"JPS memaklumkan dalam RMK-10, sebanyak 246 projek tebatan banjir dirancang: 79 dalam perancangan, 88 ikut jadual dan 31 siap dibina," jelas Abdul Khalid.



Menteri Besar sewaktu sidang media bersama barisan Exco Kerajaan Negeri

PR Selangor amal dasar beri kebajikan secara adil

SHAH ALAM - Pakatan Rakyat (PR) Selangor sentiasa mengamalkan dasar kebajikan secara saksama dalam usaha menjaga kepentingan rakyat di negeri ini.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata peluang sama rata diberikan kepada seluruh rakyat tanpa mengambilkira status atau kedudukan mereka dalam menikmati hasil negeri.

Katanya, dakwaan bahawa Kerajaan Negeri mengamalkan sikap populis dalam urusan tadbirnya juga adalah tidak tepat dan sengaja ditimbulkan.

"Saya rasa kenyataan populis itu tidak timbul kerana kerajaan negeri menjalankan apa yang patut kita jalankan.

"Jika kaji tentang pemberian air percuma, ia bukan sahaja memberi peluang kepada semua rakyat, tetapi turut mengambil kira kepentingan negeri hanya 20 meter padu diberi percuma, manakala yang lain perlu dibayar dengan harga sangat berpatutan.

"Saya rasa politik yang mengatakan ada orang populis, sosialis dan sebagainya perlu di-

hentikan," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco di sini, baru-baru ini.

Abdul Khalid, berkata dasar yang dilaksanakan Kerajaan Selangor setakat ini boleh diterima rakyat dan akan diteruskan supaya pembangunan negeri dapat dilaksanakan dengan baik.

"Dasar ini diterima rakyat dan menunjukkan Kerajaan Negeri boleh menjaganya dengan baik," katanya lagi.

Sementara itu, Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Khim menyifatkan laporan yang mendakwa beliau mengkritik kerajaan negeri kerana mengamalkan pendekatan populis dengan adalah tidak benar dan palsu.

Katanya, beliau tidak pernah menyebut istilah 'populi' dalam kenyataannya sebelum ini dan mendakwa ia disalah tafsir oleh media arus perdana.

"Saya tidak pernah mengatakan pemberian air percuma adalah dasar populis. Saya ada bukti rakaman, istilah itu saya tidak guna.

“

Saya rasa kenyataan populis itu tidak timbul kerana kerajaan negeri menjalankan apa yang patut kita jalankan

ABDUL KHALID
Menteri Besar

"Kita sudah mempunyai dasar dan program yang mencukupi. Jika kita ingin tambah, kita perlu berhati-hati kerana yang penting kita hendak pastikan program itu dapat tingkatkan keupayaan rakyat, bukan beri kebajikan sahaja," katanya.

Laporan muka depan Utusan Malaysia pada 16 Disember lalu mendakwa, Teng ketika ucapan penggulungan Konvensyen Biasa DAP baru-baru ini, menggesa Kerajaan Negeri untuk tidak meneruskan dasar populis setelah masuk penggal kedua pemerintahan di Selangor.

Arah PBT buat persiapan awal hadapi banjir

SHAH ALAM - Semua pihak berkuasa tempatan (PBT) diminta membuat persiapan awal bagi menghadapi kemungkinan berlaku banjir di negeri itu dengan menyelia pusat pemuliharaan dan bekalan makanan.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata Kerajaan Negeri komited untuk mengatasi kejadian banjir di beberapa kawasan di negeri itu yang menyusahkan rakyat akibat kehilangan harta benda dan mengancam keselamatan orang ramai.

Katanya, Kerajaan Selangor pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 2 Januari 2013 meluluskan Projek Tebatan Banjir di Sri Serdang berjumlah RM8.470 juta kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya.

"Ia adalah untuk projek menaik taraf sistem perparitan manakala RM7.7 juta diluluskan untuk membina ru-

mah pam, menaik taraf kolam takungan, menaik taraf sistem saliran dalaman dan kerja-kerja mendalamkan Sungai Kuyoh.

"Kerajaan Negeri akan memantau semua projek-projek tebatan banjir untuk memastikan dana yang diperuntukkan itu dibelanjakan dengan betul dan memberi manfaat kepada rakyat," kata Abdul Khalid dalam sidang media selepas Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri, di sini.

Katanya, Pasukan Tindakan Segera Negeri Selangor (Skuad Pantas) juga diarahkan bersiap sedia untuk membantu agensi keselamatan lain dalam mengendalikan mangsa banjir dan kes kecemasan yang lain.

Sebelum ini, Selangor Kini melaporkan Kerajaan Negeri akan menggunakan sistem digital untuk mengurus dan mengenal pasti mangsa banjir yang memerlukan bantuan.

MDKS giat majukan pelancongan Kuala Selangor

OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) komited memastikan pusat pelancongan di wilayah itu berada dalam keadaan terbaik bagi menarik lebih ramai pelancong dalam dan luar negara, berkunjung ke situ.

Setiausahanya, Azahari Sairin, berkata MDKS menjalankan beberapa projek pembangunan, penambahbaikan dan pengubahsuaian di beberapa pusat pelancongan sepanjang tahun 2011 sehingga pertengahan 2013.

"Suatu yang merugikan buat MDKS sekiranya kelebihan yang ada di Kuala Selangor ini gagal diselenggara dan dipertingkatkan.

"Jadi, menerusi dana yang diperoleh daripada Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia (Marris) dan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (Upen) Sela-

ngor, MDKS dimanfaatkan sepenuhnya untuk tujuan itu," jelasnya.

Sementara itu, kawasan puncak Bukit Melawati yang terhad dan cerun, membataskan usaha mendirikan struktur binaan seperti tandas awam.

Azahari berkata, selain kawasan berbukit, faktor menjaga keaslian kesan tinggalan sejarah antara punca tandas awam terpaksa dibina di Laman Budaya.

"Pada awal pembinaan, pihak MDKS juga mencadangkan lokasi tandas di puncak bukit tersebut bagi kemudahan pengunjung.

"Walau bagaimana pun, setelah kajian semula dilakukan, MDKS dapati kawasan tersebut tidak sesuai memandangkan baki kawasan yang ada terhad," jelasnya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab rungutan pengunjung berhubung kedudukan tan-

“

MDKS akan menambah bilangan papan tanda petunjuk arah yang mencukupi untuk kemudahan pengunjung

AZAHARI SAIRIN Setiausaha MDKS

das awam jauh dan tidak mesra pengguna kerana tiada penunjuk arah.

"MDKS akan tambah bilangan papan petunjuk arah yang mencukupi untuk kemudahan pengunjung dan mengalu-alukan pendapat orang ramai bagi memastikan pusat pelancongan di sini mesra pengunjung," katanya.



Kawasan puncak bukit yang cerun menyukarkan kerja-kerja pembinaan

Projek yang dibangunkan MDKS 2011 - 2013

Tahun	Projek	Peruntukkan Upen
2011	Pengubahsuaian Gerai Kepada Pusat Penerangan Pelancong (TIC) Di Kaki Bukit Malawati	RM 41,575.00
2012	Membaikpulih Kerosakan Struktur Batu Tapak Meriam Di Bukit Malawati	RM 25,320.00
	Memasang Papan Tanda Pelancongan Daerah Kuala Selangor	RM 33,300.00
	Menaik taraf Dan Pengindahan Kawasan Pelancongan Bukit Malawati	RM 101,785.00
	Menaik taraf Dan Membina Tangga Laluan Berbumbung Serta Kemudahan Lain Di Makam Anak Dara	RM 127,365.00
Tahun	Projek	Peruntukkan Marris
2013	Merangkumi kerja-kerja Turapan, Garisan Dan Tanda Jalan, Garisan Pakir, Speed Braker Kerb Jalan, Pemasangan 'Guardrail' dan Pembaikan Longkang	RM 252,385.00

Tandas jauh menyusahkan

KUALA SELANGOR - Kedudukan tandas awam yang jauh dan tiada penunjuk arah ke lokasi, antara keluhan pengunjung yang diterima Selangor Kini ketika berada di Bukit Melawati baru-baru ini.

Pengunjung terpaksa berjalan kaki sejauh 150 meter dari puncak bukit untuk ke tandas awam yang berada di Laman Budaya.

Bagi Samsudin Hamid, 63, dari Tanjung Malim, Perak, mengakui agak sukar ke tandas awam dan berharap pihak berwajib lebih peka dalam menjadikan Bukit Melawati sebagai destinasi pelancongan yang lebih mesra pengunjung.

"Pengunjung lewat usia seperti saya memang tidak larat. Tambahan pula ia kawasan berbukit, begitu juga ibu bapa yang membawa anak-anak kecil," jelasnya.

Sementara, Siah Shaari, 66, dari Behrang, Perak, turut berpendapat kedudukan tandas awam tidak efektif dan menyu-



Samsudin Hamid

karkan golongan warga emas sepertinya.

Menceritakan pengalamannya yang sudah dua kali berkesempatan ke Bukit Melawati, Siah mengakui banyak peningkatan dari aspek keceriaan dan kemudahan berbanding tahun 2005 ketika pertama kali ke sini.

"Kemudahan jalan dan lanskap semakin cantik dan terjaga. Kalau boleh dibina tandas awam lebih dekat, saya yakin orang ramai akan lebih



Siah Shaari

selesa untuk ke sini," jelasnya.

Manakala, penjaja makanan di situ yang hanya mahu dikenali sebagai Ramu berkata, beliau sering menjawab soalan pengunjung tentang kedudukan tandas awam.

"Boleh dikatakan setiap hari saya diajukan soalan yang sama. Pihak berwajib seharusnya meletakkan papan tanda penunjuk arah supaya pengunjung jelas di mana lokasi tandas awam," jelasnya.

Bukit Melawati: Kisah penentangan dan Kerajaan Melayu

KUALA SELANGOR - Keindahan permandangan di puncak Bukit Melawati yang menghadap laut Selat Melaka menjanjikan pengalaman menarik buat pengunjung.

Selain menikmati keindahan alam, pengunjung juga berkesempatan mendampingi penghuni hutan si 'Lotong Kelabu' ketika berada di puncak bukit.

Berbekalkan kacang panjang dan kangkung segar yang dijual penjaja makanan ringan di sini, pengunjung bukan sahaja mampu menjinakkan puluhan lotong yang ada, malah mampu memegang dan bergambar bersama spesies monyet kelabu jambul itu.

KESULTANAN SELANGOR

Selain keunikan anugerah alam yang ada, Bukit Melawati tersirat seribu satu kisah sejarah hebat Kesultanan Selangor dari abad ke-17 lagi.

Bukit Melawati yang juga dikenali sebagai Bukit Selangor pernah menjadi kota pemerintahan Sultan Ibrahim (1778-1826).

Mengikut sejarah, Kota Melawati pernah ditakluki Belanda pada tahun 1784 selepas Belanda menewaskan Portugis di Melaka.

Pada 28 Januari 1785, Sultan Ibrahim dengan bantuan adindanya, Datuk Penggawa Permatang Mahabijaya (Penggawa Tua) dan Bendahara Abd. Majid Pahang, menyusun strategi menawan kembali Bukit Melawa-

ti. Serangan dilakukan selepas waktu Isyak, dan sebelum fajar Subuh menyingsing, Bukit Melawati dapat ditawan semula.

Namun, dalam tempoh satu malam sahaja Belanda berjaya diusir keluar.

Ia juga pernah menjadi tempat bersemayamnya Sultan Abdul Samad sebelum berpindah ke Bukit Jugra di Kuala Langat.

TINGGALAN SEJARAH

Antara kesan tinggalan sejarah yang masih kukuh sehingga ke hari ini adalah kubu pertahanan yang dibina ketika Kota Melawati di serang Belanda.

Di puncaknya juga terdapat sebuah telaga beracun yang dikatakan airnya beracun hasil ramuan beberapa jenis getah dan miang rebung. Penderhaka atau pesalah akan direndam seluruh badan sehingga ke paras dagu.

Selain itu, di pintu masuk Kota Melawati, terdapat satu batu hampar yang dipercayai menjadi tempat untuk memancung kepada pesalah yang dijatuhi hukuman bunuh.

ZAMAN BERUBAH

Meniti pembangunan pesat dari zaman ke zaman, Kuala Selangor kini mempunyai pelbagai daya tarikan pelancongan.

Di kaki Bukit Melawati,



Rumah api-api yang menjadi penanda arah nelayan dan kapal-kapal yang melalui perairan Selat Melaka

pengunjung boleh melawati Masjid Kuala Selangor, Taman Alam, pangkalan nelayan Permatang dan jeti istirehat Kuala Selangor.

Di puncak bukit pula, terdapat sebuah menara tinjau untuk melihat anak bulan dan rumah api yang masih berfungsi sebagai panduan kepada nelayan yang mencari rezeki di laut. Pengunjung juga berkesempatan melihat ting-

galan dan kisah sejarah Selangor di Muzium Sejarah Kuala Selangor.

Kini, pada hari Sabtu dan Ahad, pengunjung boleh menggunakan perkhidmatan 'Trem' untuk mendaki Bukit Melawati. Pada hari tersebut, pengunjung tidak dibenarkan memandu kereta sendiri untuk mengelakkan kesesakan di atas bukit. Bayaran untuk menaikinya ini ialah RM2 bagi orang dewasa dan RM1 bagi kanak-kanak.

Berkunjunglah ke Bukit Melawati untuk menimba pengalaman baru, selain mengenali sejarah silam Kesultanan Selangor.

Bukit Melawati yang juga dikenali sebagai Bukit Selangor pernah menjadi kota pemerintahan Sultan Ibrahim (1778-1826). Mengikut sejarah, Kota Melawati pernah ditakluki Belanda pada tahun 1784 selepas Belanda menewaskan Portugis di Melaka



Oleh HAFIZAN TAIB

Lahirkan 60,000 pelajar cemerlang

PROGRAM Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) sejak lima tahun lalu memberi manfaat kepada lebih 60,000 pelajar Selangor.

PTRS merupakan program khas bantuan pendidikan berbentuk kelas tambahan percuma yang disediakan kepada pelajar dengan keputusan sederhana dan lemah bagi menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"PTRS dimulakan pada Mac 2009, membabitkan 56 DUN di seluruh Selangor. Sepanjang tempoh itu, lebih kurang 62,749 pelajar di seluruh Selangor mengikuti program ini.

"Dari segi pencapaian secara umumnya memang ada peningkatan dan ada antara pelajar yang tidak disangka mampu mencatat keputusan cemerlang," kata Penolong Setiausaha, Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Siti Syazwani Ab Latib kepada Selangor Kini.

Katanya, bagi meningkatkan pencapaian pelajar, beberapa program sokongan dijalankan dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN yang menyediakan kes tuisyen itu di kawasan masing-masing.

"Kita akan buat program keibubapaan, di mana golongan sasaran ialah ibu bapa pelajar yang menyertai PTRS. Bila kelas tuisyen bermula, kita akan adakan ujian prestasi dan pada masa sama kita jalankan 'smart learning' untuk mengukuhkan pelajaran pelajar.

"Bila hampir dengan tarikh peperiksaan, dengan laksanakan program pecutan akhir, iaitu seperti latihan tubi yang akan dibuat setiap minggu dengan pengawasan guru," katanya.

Kira-kira RM3.45 juta diperuntukkan Kerajaan Negeri setiap tahun bagi menjangkakan

PTRS.

Setiap DUN menyediakan kemudahan itu kepada 100 pelajar terpilih.

Siti Syazwani (**gambar**) berkata PTRS mendapat lebih mendapat sambutan di kawasan luar bandar dan miskin bandar seperti di Sabak Bernam, Hulu Langat dan Klang.

PTRS memfokuskan bimbingan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah.

"Ibu bapa memang berpuas hati dengan program ini kerana ia dapat mengawal anak mereka untuk mengikuti kelas tuisyen dengan lebih bersistematik dengan pengawasan koordinator pembangunan modal insan (KPMI) dan guru yang dilantik.

"KPMI memang memainkan peranan sebagai ibu dan bapa kepada pelajar untuk memastikan mereka hadir tuisyen mengikut jadual ditetapkan," katanya.

Menurutnya, terdapat DUN yang mendapat sambutan di luar jangkauan seperti Batu Caves dan Meru apabila setiap tahun mencatatkan purata penyertaan pelajar antara 130 ke 150 orang.

Antara penambahbaikan dirancang untuk program



itu, pemilihan KPMI sepenuh masa akan diusahakan supaya mampu menjalankan tugas dengan lebih berkesan. Selain itu pihaknya akan juga memperincikan pemilihan pusat tuisyen dan pemilihan guru untuk tahun depan.

"Pusat tuisyen ini memang kita serahkan kepada PKM DUN untuk sediakan dan kita memang mendapat kerjasama dari semua pusat ini. Kita berikan peruntukan untuk tujuan ini termasuk pembayaran elaun kepada KPMI dan guru dilantik untuk membimbing pelajar.

"Kita juga mendapat kerjasama baik daripada Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) sekiranya menggunakan sekolah rendah agama untuk kelas tuisyen ini," katanya.



Ibu bapa memang berpuas hati dengan program ini kerana ia dapat mengawal anak mereka untuk mengikuti kelas tuisyen dengan lebih sistematik dengan pengawasan koordinator pembangunan modal insan (KPMI) dan guru yang dilantik

PTRS akan ditambah baik

SHAH ALAM - Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dimulakan Kerajaan Negeri sejak 2009 akan diteruskan dengan beberapa penambahbaikan demi meningkatkan tahap pencapaian diraih setakat ini.

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali (**gambar**), berkata program bantuan kelas tuisyen percuma melalui skim di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) itu jelas mendapat sambutan majoriti rakyat Selangor.

"Memang ramai berikan input yang baik terhadap PTRS dan minta ia diteruskan, malah tidak sabar untuk turut serta," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata, antara penambahbaikan bagi program itu ialah Adun dan Penyelaras di Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN akan diminta mengemukakan lebih daripada satu nama Koordinator Pembangunan Modal Insan (KPMI) yang bakal dilantik bagi mengendalikan program berkenaan.

Katanya, pihak perunding juga akan dilantik bagi pemantauan PTRS bagi meneruskan kesinambungan kejayaan program itu sejak ia dimulakan lima tahun lalu.

"Sebelum ini kita bagi kepada dua pihak perunding untuk memantaukan program ini dan menyelaraskannya. Nanti kita



akan buka dan tengok syarikat atau pihak mana yang akan dipertanggungjawabkan untuk meneruskan program ini.

"Ya tidak kira pihak mana, sama ada syarikat atau NGO, tetapi dia kena boleh buat dan mencapai tahap ditetapkan, kerana kita sudah berjaya melaksanakan mengikut perancangan. Dia perlu berjaya dan mesti lebih baik daripada apa yang kita capai selama ini," katanya.

Beliau berkata, pihak yang berminat untuk turut serta menjangkakan program itu perlu membuktikan kemampuan bagi melaksanakannya dan menepati sukatan pelajaran kerana ia membabitkan kalangan pelajar dengan tahap sederhana dan lemah.

Katanya, sesi temuduga bagi tujuan itu akan dijalankan bagi mengenal pasti semua pihak dan tenaga kerja yang layak bagi menjalankan misi Kerajaan Negeri itu.

Berhubung syarat kelayakan program itu, Halimah berkata, syarat sedia ada masih diguna pakai iaitu pelajar dari keluarga berpendapatan RM1,500 dan ke bawah layak menyertai PTRS.

"Setakat ini kita belum bincang lagi (untuk pertukaran syarat kelayakan) dan yang ini kita akan bawa kertas kerja kepada mesyuarat Exco, tetapi itu garis panduan umum sahaja.

"Sebenarnya, kalau mereka tidak mampu, memang boleh... tiada masalah, lagi-lagi di bandar. Kita pun faham miskin bandar berbeza dengan miskin luar bandar," katanya mengenai isu sesetengah pelajar keluarga berpendapatan melebihi RM1,500 yang ingin menyertai program itu.



Pelajar PTRS berpeluang mengikuti tuisyen percuma tanpa perlu bebaskan keluarga

Kes kecurian pasir

MB alu-alukan tindakan SPRM

Oleh Afeeqa Afeera

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri mengalu-alukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertindak ke atas mana-mana kakitangan awam dan pegawainya yang dibuktikan bersalah terlibat dalam kes kecurian pasir.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata pentadbiran beliau tidak berhasrat untuk melindungi mana-mana pihak yang terlibat dalam sindiket kecurian pasir, baik di peringkat Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) atau Pejabat Tanah Daerah (PTD).

"SPRM bersama PTD mengambil inisiatif untuk me-

nangkap dan membawa pesalah ini ke mahkamah atas kesalahan (curi pasir) yang dilakukan. Kerajaan Negeri menyokong usaha tersebut dan menggalakkan rakyat Selangor untuk membuat laporan sekiranya berlaku kecurian pasir di kawasan mereka," kata beliau.

Beliau berkata demikian selepas kejadian curi pasir dikesan di Sungai Long, Hulu Langat, dan di ladang kelapa sawit di Bandar Sunway Semenyih baru-baru ini. Kegiatan itu didakwa berlarutan sejak dua tahun lalu di mana sindiket terlibat dikatakan mampu mengaut keuntungan sehingga RM12 juta.

Mengulas lanjut, Abdul Kha-

lid, berkata pihaknya akan turut membantu usaha pembanteras-an dengan mendapatkan laporan lengkap daripada semua jabatan dan agensi yang berkenaan bagi menjalan sia-satan dalaman.

"Kerajaan Selangor tidak berkompromi dengan mana-mana pihak yang terbukti mengamalkan gejala rasuah kerana iktizam Kerajaan Negeri adalah menggalas amanah rakyat secara telus dan bertanggungjawab," tegas beliau.

Beliau turut mengulangi pendiriannya kepada SPRM, menggesa suruhanjaya itu melaksanakan siasatan secara profesional, dan jaminan tiada perlindungan diberikan kepada pihak-pihak terlibat.



Projek pembangunan di Selangor dilaksanakan secara teliti

SHAH ALAM - Setiap projek pembangunan di Selangor akan dilaksanakan secara teliti dan tertib bagi memastikan ia memenuhi standard dan piawaian yang ditetapkan.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata tempoh pelaksanaan sesuatu projek sama ada cepat atau lambat adalah perkara biasa yang tidak perlu dikhuathiri.

Katanya Kerajaan Negeri tidak mengalami sebarang masalah untuk menyelesaikan

projek pembangunan di Selangor di mana kurang 10 daripada 1,500 projek pembinaan dilaporkan mengalami kelewatan setakat ini.

"Kerajaan negeri hanya mengalami masalah besar sewaktu mula mengambil alih urusan tadbir negeri pada 2008 di mana pada ketika itu sebanyak 114 projek dilaporkan terbengkalai.

"Kita mesti biarkan pihak berkuasa tempatan (PBT) menjalankan tugas dengan tertib

kerana kita tidak mahu ia akan memberi kesan negatif kepada pembeli yang kecewa sekiranya mereka tidak mendapat pembinaan yang sebaiknya," katanya.

Abdul Khalid berkata demikian sebagai respon kepada kenyataan Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad, sebelum ini yang mendakwa kelewatan projek di Selangor adalah disebabkan konflik antara Kerajaan Negeri, PBT dan pihak pemaju.

Jual rumah kos rendah pada harga tinggi pemaju disenaraihitamkan

SHAH ALAM - Kerajaan negeri memandang serius tindakan pemaju yang menjual rumah kos rendah dengan harga yang lebih tinggi atas alasan pengubahsuaian telah dilakukan.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Abdul Samad, berkata tindakan me-nyenarai hitam syarikat boleh dilakukan terhadap pe-

maju sekiranya mereka didapati memaksa pembeli membayar harga ubah suai.

Katanya pemilik rumah kos rendah berkenaan juga berhak membantah atau menolak tawaran ubahsuaian yang dilaksanakan oleh pemaju tanpa persetujuan mereka.

"Harga jualan minima bagi rumah kos rendah ditetapkan pada RM42,000 sebuah kecuali

untuk peneroka bandar yang dipindahkan ditetapkan padar kadar RM35,000 sebuah.

"Harga ini dikawal kerajaan negeri dan pemaju tidak boleh menjual pada harga-harga yang lain," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Bagaimanapun, Iskandar berkata pembeli yang bersetuju dengan pakej pengubahsuaian itu dinasihatkan untuk mem-

Kerajaan Pusat memainkan derita rakyat

Selangorkini
EDITORIAL

KERAJAAN Pusat kebelakangan ini rancak menaikkan harga pelbagai barangan hingga menekan kehidupan rakyat, khususnya penduduk berpendapatan rendah.

Dari harga roti, tambang LRT, petrol, tarif elektrik dan banyak lagi sejak pilihan raya umum (PRU) lalu berakhir, tanpa rasa bersalah tetapi 'kreatif', menyediakan alasan untuk menghalalkan perbuatan itu.

Sekalipun hujah mereka dangkal, tetapi melalui penguasaan ketat terhadap media arus perdana, kenaikan itu dilunak dengan bermacam-macam taktik. Pengalihan isu, misalnya.

Sejak rentetan kenaikan harga dibuat, media arus perdana lebih gemar memutar isu kontroversi termasuk Syiah dengan harapan ia mampu memesong perhatian ramai.

Mulanya, ia tampak berjaya. Tetapi tidak kekal lama.

Apabila kadar tol dinaikkan dan alasan rapuh dihidang kepada pengguna, rakyat mula memaling muka lantaran menyedari ia memberi kesan berantai seperti kenaikan harga petrol.

Pasti, kos pengangkutan majoriti organisasi perniagaan meningkat drastik dan akhirnya pengguna yang terbebani terpaksa menampung lebih kos itu.

Namun, media arus perdana dibantu blogger upahan memutar belit isu dengan menyalahkan kerajaan Selangor semata-mata kerana memiliki saham yang tak seberapa dalam sebahagian syarikat konsesi lebuhraya.

Kerajaan Selangor digembar-gembur bersubhat, sekalipun pegangan saham kecil - 30 peratus saham Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dalam KESAS dan 20 peratus saham Kumpulan Perangas dalam SPRINT dan LDP.

Apabila Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bersama-sama pimpinan utama Parti Keadilan Rakyat (PKR), menggerakkan usaha bagi membela rakyat melalui pegangan saham itu, mereka 'terduduk'. Sekalipun nilai pegangan-an saham bukan majoriti dan belum tentu menjamin kejayaan, tetapi ia mampu memberi tekanan kepada syarikat konsesi.

Anehnya, Kerajaan Pusat yang memiliki saham majoriti sekadar buat pengumuman dan membentang alasan yang tidak masuk akal tanpa cuba membela rakyat.

Jadi, kita boleh menjangka media arus perdana mencari-cari ramuan untuk menundukkan usaha kerajaan Selangor dengan taktik lapuk - mengalih topik.

Ketua Pengarang

Selangor Kini

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT: Faekah Husin
Arfa'za Abdul Aziz

KETUA PENGARANG:
Fazallah Pit

PENGARANG BERITA:
Hafizh Mokhtar

PEMBANTU PENGARANG:
Rusidah Salim

WARTAWAN:
Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com, Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com,

Lizawati Madfa, Norhayati Umr: chayunkyatt@gmail.com Siraj Mohd Zaini, Naem Raffi: naemraffi85@gmail.com

JURU GAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK:
Unit Grafik CCSB

Aras 2, Cariton Holiday Hotel & Suites
No 1, Persiaran Akuatik 13/43,
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856
Emel: newsselangorkini@gmail.com

buat perbandingan kos ubahsuaian yang akan dilaksanakan pemaju dengan kontraktor lain. Katanya para pembeli yang dipaksa oleh pemaju untuk menerima pakej pengubahsuaian perlu melaporkan dengan segera kepada pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) di talian **03-55447078** atau **03-55447199**.

SMS palsu cubaan sabotaj

OLEH NAEEM RAFFI

KLANG - Satu laporan polis telah dibuat berhubung penyebaran pesanan ringkas (SMS) yang mengakibatkan ribuan panggilan telefon membanjiri Sekretariat Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, dan menjejaskan operasi di 56 Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN dan Pejabat Ahli Parlimen.

SMS itu mengeska orang-ramai supaya menghubungi 'pegawai sekretariat' bagi mendapatkan baucar barangan keperluan sekolah bernilai RM-

200 di semua PKM mulai 16 Disember, hingga 28 Disember.

Laporan polis difailkan oleh pegawai khas PKM DUN Selat Klang, Abdul Razak Abd Rashid.

"Terdapat keraguan dalam SMS tersebut. Kerajaan Selangor tidak menggunakan istilah 'Pengajian Tinggi'. Nombor telefon pegawai yang disenaraikan dalam SMS tersebut adalah nombor pegawai PKM DUN Selat Klang dan bukannya nombor pegawai dari pejabat Exco Pendidikan," jelas Halimah.

Selangor Kini difahamkan, dalam tempoh kurang 24 jam



Halimah Ali

penyebaran SMS tersebut, PKM Selat Klang menerima lebih 3,000 panggilan telefon daripada orang ramai serata Selangor bertanyakan tentang

pemberian baucar tersebut.

"Ini adalah SMS tidak bertanggungjawab yang sengaja menyusahkan dan mengelirukan semua pihak selain mengecewakan ibu bapa khususnya mereka yang hadir dari kalangan berpendapatan rendah," bidas Exco Dr Halimah Ali, yang juga Adun Selat Klang.

Setakat ini, Kerajaan Negeri hanya memberi baucar RM30 untuk kasut sekolah murid-murid di Bata, khusus bagi keluarga berpendapatan rendah.

Sementara itu, Ahli Parlimen Klang, Manivanan Gowin menyifatkan penyebaran

SMS fitnah tersebut bertujuan memburukkan pentadbiran Kerajaan Selangor pimpinan Pakatan Rakyat.

"Kebetulan hari ini (17 Disember) PKM Selat Klang serahkan baucer (RM30-Kasut Sekolah) dan sebaran SMS ini adalah semalam. Jadi, nampak sangat ia dirancang rapi untuk memburukkan Kerajaan Negeri dan Dr Halimah memandangkan Dr Halimah sudah menjadi YB hampir enam tahun dan kini dalam penggal kedua, ditambah pula berjaya mengekalkan jawatan Exco dalam portfolio yang sama," katanya.

Kerajaan Negeri tuntutan dana Balkis dikembalikan



Menteri Besar meninjau keadaan dewan dan 'barang peninggalan' Balkis yang masih dalam perintah mahkamah

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri berusaha mencari jalan terbaik untuk mengambil alih dana Badan Amal dan Kebajikan isteri-isteri wakil rakyat Selangor (Balkis) sebanyak kira-kira RM10 juta kepada Kerajaan Negeri.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata sebagai pemegang amanah, Badan Kebajikan dan Amal Wanita negeri (Pekawanis) sepatutnya diberikan hak menguruskan dana itu.

"Kita akan cari jalan terbaik untuk dapatkan harta yang sepatutnya menjadi milik Pekawanis, daripada Balkis untuk diurus dengan baik.

"Kita boleh gunakan dana ini dengan baik bagi tujuan kebajikan," katanya ketika lawatan kerja di Rumah Puteri Arafiah.

Pada 2009, Kerajaan Selangor menghantar surat meminta Jabatan Insolvensi Malaysia menjelaskan kedudukan dana itu agar diamankan kepada Kerajaan Negeri untuk tindakan seterusnya.

Balkis dibubarkan pada 11 Mac 2008, dan menurut bekas Yang Dipertua Balkis, Zahrah Kechik, dana itu sudah diserahkan kepada Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Menteri (Bakti).

Dalam lawatan kerja itu, Abdul Khalid memperuntukan le-

bihan peruntukan daripada Pejabat Menteri Besar sebanyak RM100,000 akan diserahkan kepada Perbadanan Menteri Besar (MBI) untuk diberi kepada Rumah Puteri Arafiah.

Hadir sama, isteri beliau yang juga Yang diPertua Kebajikan dan Amal Wanita Negeri dan Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Rumah Puteri Arafiah, Puan Sri Salbiah Tunut.

Turut hadir Ketua Pentadbir Perbadanan Menteri Besar (MBI), Rohany Datuk Talib dan wakil pengurusan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Norita Mohd Sidek serta Exco Kebajikan, Rodziah Ismail.

Walaupun pasang 1,000 CCTV Polis bantuan tetap diperlukan

SHAH ALAM - Adun Pakatan Rakyat (PR) Selangor mengemukakan cadangan polis untuk memasang kira-kira 1,000 kamera litar tertutup (CCTV) di seluruh negeri itu bagi membendung peningkatan kadar jenayah.

Namun begitu, Adun Taman Medan, Haniza Talha, mengeska Kerajaan Pusat supaya membenarkan penubuhan polis bantuan di peringkat PBT secara menyeluruh bagi mempertingkatkan tahap keselamatan awam.

"Permohonan negeri untuk mengadakan polis bantuan perlu dipertimbangkan sebab Selangor sendiri sudah ada kemampuan untuk melaksanakan, hanya kelulusan Bukit Aman masih belum diperolehi," katanya.

Menurut Haniza, beberapa agensi swasta dengan mudah mendapatkan lesen perkhidmatan polis bantuan.

"Kalau agensi swasta boleh diberikan kebenaran, kenapa Kerajaan Negeri nak mohon polis bantuan tidak diluluskan, apa alasannya?," kata Haniza ketika dihubungi Selangor Kini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar dalam satu kenyataan kepada media

“Permohonan negeri untuk mengadakan polis bantuan perlu dipertimbangkan sebab Selangor sendiri sudah ada kemampuan untuk melaksanakan, hanya kelulusan Bukit Aman masih belum diperolehi”

HANIZA TALHA
Adun Taman Medan

memaklumkan, polis akan memasang antara 500 hingga 1,000 kamera litar tertutup (CCTV) di seluruh Selangor pada tahun depan.

Setakat ini, terdapat 666 CCTV sudah dipasang di lokasi strategik di 15 daerah di negeri Selangor sejak tahun lalu.

Sementara itu, Adun Batu Caves, Amirudin Shari, berkata CCTV merupakan satu keperluan di beberapa kawasan yang kerap berlaku jenayah pada lewat waktu malam.

"Saya ingat ia perlu diletakkan di tempat awam bagi memantau jenayah dalam di Selangor, terutama jenayah jalanan yang pengurangnya masih sedikit.



▲ PIMPINAN Pakatan Rakyat, menyerahkan surat bantahan terhadap kenaikan melampau cukai pintu di Wilayah itu kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Phesal Talib (tengah)



▲ ADUN Sekinchan, Ng Sucee Lim turut serta dalam program Tourism Selangor bersama media, blogger dan selebriti ke tempat-tempat menarik sekitar Sekinchan, sempena Tahun Melawat Malaysia 2014



▲ WALAUPUN gerimis, Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains Teknologi dan Inovasi, Dr Daroyah Alwi turun padang, meninjau projek ternakan ikan air tawar di Tanjung Karang



▲ EXCO Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong, turun padang bersama Ahli Parlimen Indera Mahkota, Datuk Fauzi Abdul Rahman dan Adun Semambu, Lee Chean Chung, ke kawasan banjir di Kuantan, bagi mengagihkan bantuan makanan dan barang keperluan harian



▲ EXCO Belia dan Sukan; Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr Ahmad Yunus Hairi, bermesra dengan para peserta Kejujangan Bola Sepak Piala Menteri Besar Selangor bawah 16 tahun, di Dewan Megawati, kediaman rasmi Menteri Besar



▲ PROGRAM Prihatin Bantuan Sekolah anjuran AMK Kota Raja di Pasaraya Tesco Bukit Tinggi. Kelihatan Adun Sri Andalas, Dr Xavier Jayakumar, sedang mengagih-agihkan baucar kepada peserta

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mewujudkan program "PJ Selamat, Keselamatan Untuk Semua" (*PJ Safe - Safety 4 All*) sebagai tindakan proaktif bagi memastikan bandar raya itu menjadi kawasan selamat dan selesa didiami semua.

Datin Paduka Alinah bt Ahmad, Datuk Bandar Petaling Jaya berkata, program itu ialah inisiatif MBPJ dengan menggabungkan dua program keselamatan iaitu Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKK PJ) dan Program Rondaan Keselamatan (PRK) serta penggunaan kenderaan khas terdiri dari dua buah kereta peronda dan lima buah motosikal.

"Setiap rondaan terbahagi kepada dua kumpulan, terdiri daripada dua orang anggota polis dan dua orang anggota penguat kuasa dari MBPJ, Pihak MBPJ amat berterima kasih kepada Ibu Pejabat Polis (IPD) Petaling Jaya yang sentiasa memberikan kerjasama sepenuhnya dalam program ini serta sentiasa memberikan maklum balas yang positif," kata beliau.

Rondaan cegah jenayah ini bertujuan untuk mengurangkan kadar jenayah di kawasan berkenaan di samping mewujudkan kesan psikologi positif kepada penduduk setempat terhadap keselamatan kerana adanya pemantauan yang berterusan.

PJ Selamat - MBPJ ambil tindakan proaktif bersama PDRM dan penduduk



Edaran risalah kepada penduduk Petaling Jaya

"Mulai Januari 2014, kita akan mempersiapkan anggota penguat kuasa MBPJ dari segi pertambahan bilangan anggota dan kelengkapan seperti penyembur lada

dengan secukupnya, perkara ini akan dibincangkan dengan pihak polis kerana setiap aktiviti rondaan ini memerlukan penglibatan daripada pasukan polis," jelasnya.

MBPJ juga menyediakan peruntukan khusus untuk program-program keselamatan seperti pemasangan lampu di lorong belakang kediaman, pemasangan pagar keselamatan dan sebagainya.

Program ini tidak hanya menasaskan kawasan panas (hotspot) jenayah tetapi melibatkan keseluruhan bandar raya Petaling Jaya seperti di tempat perkhidmatan awam dan sebagainya.

Anggota penguat kuasa MBPJ dan anggota polis turut mengedarkan risalah berkenaan program rondaan bersama MBPJ dan PDRM yang telah dimulakan pada penghujung bulan Julai 2013 yang te-

lah berjaya mengurangkan kadar jenayah di Petaling Jaya.

"Orang ramai dinasihatkan supaya lebih berhati-hati supaya tidak menjadi mangsa kerana pihak PDRM dan MBPJ tidak mampu untuk melakukan rondaan 24 jam dengan jumlah anggota yang terhad," ujar beliau lagi.

Selain itu, MBPJ juga menggalakkan Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga di Petaling Jaya melaksanakan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dengan memberikan peruntukan khas bernilai RM5,000.00.

Sehingga Oktober 2013, MBPJ telah membelanjakan sebanyak RM409,476 untuk SRS di bawah program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) iaitu sebanyak 84 permohonan telah diterima dan sebanyak 71 persatuan telah menikmati kemudahan ini dan selebihnya dalam proses kelulusan. Setiap tahun MBPJ memperuntukkan sebanyak RM700 ribu sebagai bantuan program PKKPJ untuk membeli peralatan rondaan.

"Adalah menjadi hasrat MBPJ su-

paya setiap penduduk di Petaling Jaya merasa selamat di mana sahaja mereka berada dengan melihat kehadiran kami, anggota penguat kuasa MBPJ dan anggota polis di setiap lokasi dan sekaligus menjadikan bandar raya Petaling Jaya sebagai bandar raya yang selamat dan selesa," katanya lagi.

Sempena meraikan dan menggalakkan gaya hidup yang lestari dan kehidupan hijau, MBPJ akan menganjurkan Festival Antarabangsa Petaling Jaya pada 21-22 Disember 2013, bermula jam 8 pagi sehingga 12 tengah malam untuk penduduk Petaling Jaya dan juga masyarakat awam.

Karnival jalanan selama 2 hari ini akan berlangsung di Jalan Yong Shook Lin, Seksyen 52, Pusat Bandar Petaling Jaya yang akan menampilkan pelbagai aktiviti dan sesuai untuk semua orang. Orang ramai dijemput memeriahkan festival ini. Masuk adalah percuma.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web www.mbpj.gov.my



Pasukan Keselamatan Kejiranan (PKKPJ) KRT Flat PKNS Taman Dato Harun



Pasukan Rondaan Keselamatan bersama PDRM



MAJLIS PERASMIAN
• 21 DISEMBER 2013 • SABTU • 8.00 MALAM
JALAN YONG SHOOK LIN, PUSAT BANDAR SEKSYEN 52,
PETALING JAYA

- Persembahan Pembukaan
- Pelancaran *PJ Sustainable 2030 3D Mapping Show*
- Perarakan
- Pelancaran *PJ Safe*
- Persembahan Akustik Hijau
- Penampilan Istimewa Zainal Abidin Artis Ikon HIJAU
- Pelbagai Pameran dan Jualan
- Demonstrasi Kenderaan Eko (Basikal Unik Pelbagai Jenis)



DATANGLAH BERAMAI-RAMAI

BAUCAR REBAT
CUKAI TAKSIRAN
SEHINGGA
RM100.00
(Berlaku pada terma & syarat)

PERCUMA

BAS TRANSIT dari
STESEN
LRT TAMAN JAYA



Persembahan Akustik
ZAINAL ABIDIN




Festival Antarabangsa PETALING JAYA
PJ INTERNATIONAL FAIR
GAYA HIDUP LESTARI
Kehidupan Hijau



**21 & 22
DISEMBER
2013**

Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya, Selangor.

8.00 pagi - 12.00 malam



- A B HENTIAN BAS TRANSIT PERCUMA
- KAUNTER TUKARAN BAUCAR REBAT CUKAI TAKSIRAN DAN BAUCAR TUNAI RM2
- TEMPAT LETAK KENDERAAN AWAM
- ➔ ALIRAN TRAFIK

ZON	EKO-MOBILITI	21/12/2013	22/12/2013
1	Pameran • Kenderaan Hibrid, Solar dan Elektrik • Basikal Lumba, MTB, Mini, Tandem Dan Folding	8.00 pagi – 12.00 malam	8.00 pagi – 12.00 malam
	Vehicles Experience (Basikal)	8.00 pagi – 7.00 malam 10.00 malam – 12.00 malam	8.30 pagi – 7.00 malam 9.00 malam – 10.00 malam
2	Arca Basikal Gergasi	8.00 pagi – 12.00 malam	8.00 pagi – 12.00 malam
	PJ Fun Ride	9.00 pagi – 10.30 pagi	-
3	Perlumbaan Mountain Bike	11.00 pagi – 12.30 tengah hari	-
	Pertandingan Bike Hunt	-	9.00 pagi – 12.00 tengah hari
4	Pameran & Pertandingan Basikal Klasik	10.00 pagi – 12.00 malam	8.00 pagi – 5.00 petang
5	Basikal Teksi (AMBike)	10.00 pagi – 12.00 tengah hari 1.00 petang – 3.00 petang 4.00 petang – 6.00 petang 10.00 malam – 11.00 malam	8.30 pagi – 10.30 pagi 11.30 pagi – 1.30 petang 2.30 petang – 5.00 petang 8.00 malam – 10.00 malam
		11.00 pagi – 11.30 pagi 2.00 petang – 2.30 petang 5.00 petang – 5.30 petang	10.00 pagi – 10.30 pagi 1.00 petang – 1.30 petang 5.00 petang – 5.30 petang 8.30 malam – 9.00 malam
6	Persembahan Akrobatik BMX	11.00 pagi – 11.30 pagi 2.00 petang – 2.30 petang 5.00 petang – 5.30 petang	10.00 pagi – 10.30 pagi 1.00 petang – 1.30 petang 5.00 petang – 5.30 petang 8.30 malam – 9.00 malam

ZON	TAMAN PINTAR	21/12/2013	22/12/2013
7	Pameran • Vertical Garden • Kebun Bandar • Sistem Pengumpulan Air Hujan	8.00 pagi – 12.00 malam	8.00 pagi – 12.00 malam
	Jualan Produk Landskap	-	-

ZON	GAYA HIDUP SIHAT	21/12/2013	22/12/2013
8	Senamrobik Hijau	8.00 pagi – 9.00 pagi	-
9	Jualan • Peralatan & Pakaian Sukan • Basikal dan Aksesori	8.00 pagi – 12.00 malam	8.00 pagi – 12.00 malam
	10	Pemeriksaan Kesihatan	-
11	Pertandingan • Bola Jaring • Futsal	10.00 pagi – 6.00 petang 9.00 malam – 12.00 malam	8.00 pagi – 2.00 petang
	12	Pertandingan • Wall Climbing • Skate Board • Aggressive Inline Skate • BMX – Lagak Ngeri & Dataran	10.00 pagi – 6.00 petang 9.00 malam – 12.00 malam

ZON	KOMUNITI MAMPAN	21/12/2013	22/12/2013
13	Eco-Bazaar	8.00 pagi – 12.00 malam	8.00 pagi – 12.00 malam
	Inflatable Obstacles Game	8.00 pagi – 12.00 malam	8.00 pagi – 12.00 malam
14	Green Speakers Corner	10.00 pagi – 11.00 pagi 12.00 tengah hari – 1.00 petang 2.00 petang – 3.00 petang 4.00 petang – 5.00 petang	9.00 pagi – 10.00 pagi 11.00 pagi – 12.00 tengah hari 1.00 petang – 2.00 petang 3.00 petang – 4.00 petang
	Pertandingan Mewarna (Kanak-kanak)	11.00 pagi – 12.00 tengah hari 1.00 petang – 2.00 petang 3.00 petang – 4.00 petang	10.00 pagi – 11.00 pagi 12.00 tengah hari – 1.00 petang 2.00 petang – 3.00 petang
15	Demonstrasi Makanan Sihat	10.00 pagi – 12.00 tengah hari 2.00 petang – 4.00 petang 9.30 malam – 10.30 malam	10.00 pagi – 12.00 tengah hari 2.00 petang – 4.00 petang 8.00 malam – 10.00 malam
16	Persembahan Line Dance	10.00 pagi – 10.30 pagi 2.00 petang – 2.30 petang 5.00 petang – 5.30 petang	-
	Persembahan Taichi	-	8.30 pagi – 9.00 pagi 11.30 pagi – 12.00 tengah hari 9.30 malam – 10.00 malam
17	Pertandingan Getaway PJ 2013 Penyampaian Hadiah • Anugerah Perdana Komuniti Mampan PJ • Pertandingan Komuniti Sejahtera PJ • Anugerah Tokoh Hijau	-	7.30 pagi – 1.00 petang 3.00 petang – 6.00 petang
18	Tayangan Filem Eco Knight	10.00 malam – 12.00 malam	7.00 malam – 12.00 malam

ZON	TAMAN PINTAR	21/12/2013	22/12/2013
19	Permainan Dam Aji Gergasi	8.00 pagi – 10.00 pagi 10.30 pagi – 2.00 petang 2.30 petang – 5.00 petang	10.30 pagi – 2.00 petang 2.30 petang – 5.00 petang 9.00 pagi – 11.30 pagi 12.00 tengah hari – 5.00 petang
		10.00 pagi – 4.00 petang	10.00 pagi – 4.00 petang
20	Lukisan Grafiti	5.00 petang – 7.00 malam 9.00 malam – 12.00 malam	7.00 malam – 12.00 malam
21	Konsert Akustik Hijau Persembahan Muzik Jalanan	12.00 tengah hari – 3.00 petang 5.00 petang – 12.00 malam	12.00 tengah hari – 2.00 petang 5.00 petang – 7.00 malam 9.00 malam – 12.00 malam



KARNIVAL KOMUNITI "TELEMATCH"

• ANTARA ZON MPP / PEBT 2013 •

22 DISEMBER 2013 (AHAD) • 8:00 PAGI - 2:00 PETANG
DATARAN KEMERDEKAAN SHAH ALAM

- ★ GALAH PANJANG ★
- ★ CONGKAK ★
- ★ RIM BASIKAL ★
- ★ BATU SEREMBAN ★
- ★ LARI DALAM GUNI ★
- ★ TARIK UPIH ★
- ★ TEROMPAH GERGASI ★
- ★ BOLING KELAPA ★
- ★ SEPAK RAGA BULATAN ★
- ★ FUTSAL KAIN PELEKAT ★
- ★ PERSEMBAHAN RAKYAT ★

ACARA SAMPINGAN

- 9:30 PAGI - 11:30 PAGI
★ PERTANDINGAN MEMASAK ★
- 9:30 PAGI - 11:30 PAGI
★ PERTANDINGAN MEWARNA & MELUKIS ★
- ★ PERTANDINGAN KHEMAH TERCANTIK ★
- 10:30 PAGI - ??? - 12:00 TGHARI 9:00 PAGI - 2:00 PETANG
★ "HAPPY HOUR" ★ WALL CLIMBING ★
- 10:00 PAGI & 12:00 TGHARI 9:00 PAGI - 2:00 PETANG
★ "CITY TOUR RIDE" ★ SELERA SHAH ALAM ★



SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI
JABATAN KORPORAT MBSA : 03 - 5522 2741
03 - 5522 2732
03 - 5522 2733

PELBAGAI AKTIVITI MENARIK MENANTI ANDA SEKELUARGA



MBSA hantar pasukan khas bantu mangsa banjir

SHAH ALAM - Sebagai tanda prihatin terhadap kesengsaraan mangsa banjir di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bertindak menghantar pasukan konvoi bantuan kemanusiaan ke Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Jaafar Atan, berkata konvoi itu adalah bagi membantu mangsa-mangsa banjir dan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan untuk mengeluarkan barang rosak di setiap kediaman, selain membersihkan kawasan yang terlibat.

Katanya, konvoi itu disertai kira-kira 34 warga kerja MBSA dari pelbagai jabatan dan bahagian, antaranya Jabatan Perlesenan dan Penguatkuasaan (Pasukan Unit Pantas), Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Korporat serta Bahagian Pembersihan Awam dan Sisa Pepejal.

"MBSA membekalkan kenderaan logistik terdiri daripada sebuah lori 'open tipper', dua buah 'back-

hoe' (jengkaut), dua buah lori Roro, sebuah lori tangki air, dua buah van dan empat buah kenderaan pacuan empat roda (FWD).

"Pasukan Bantuan Kemanusiaan MBSA ini akan membantu PBT, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), sukarelawan serta penduduk setempat untuk membersihkan kawasan dan membantu membuang barang-barang yang musnah akibat banjir," katanya ketika merasmikan pelepasan pasukan konvoi di hadapan Ibu Pejabat MBSA, di sini.

Jaafar berkata, pelaksanaan misi bantuan ini diharapkan dapat meringankan beban dan kesulitan mangsa banjir, selain mengurangkan sampah yang terhasil semasa kejadian banjir dengan lebih cekap dan efektif.

Beliau berkata penghantaran pasukan bantuan ini bukanlah kali pertama dilakukan MBSA, kerana sebelum ini bantuan sama turut diberikan semasa kejadian banjir di Johor dan Kedah.

Mudahkan angkut air

PBT diarah pantau lif

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Berikutan gangguan bekalan air di Lembah Klang, semua pihak berkuasa tempatan (PBT) diarah supaya memantau kemudahan lif di rumah bertingkat, khususnya Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi memudahkan mereka mengangkut air ke rumah masing-masing.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata PBT harus memastikan lif berfungsi dengan baik, manakala lif yang rosak perlu diperbaiki dengan segera bagi meringankan beban penduduk PPR.

Katanya, PBT juga diarah supaya meletakkan lori-lori tangki dalam keadaan siap sedia untuk menghantar bekalan air ke kawasan terjejas sekiranya terdapat permintaan daripada penduduk setempat.

"Kerajaan Negeri juga minta Konsortium Abbas Sdn Bhd, syarikat milik Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) supaya bekalkan air minuman kepada penduduk jika keadaan memerlukan.

"Saya harap jika berlaku lagi keadaan seperti ini (henti tugas loji), pihak terlibat perlu maklumkan lebih awal kepada Kerajaan Negeri supaya mudah untuk kita buat perancangan dan gerak kerja bagi membantu mengurangkan kesukaran yang dihadapi pengguna," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata demikian selepas mendengar taklimat daripada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) yang turut dihadiri wakil-wakil PBT di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), baru-baru ini.

Dalam perjumpaan itu, Lembaga Urus Air Selangor (Luas) turut memaklumkan takungan air mentah di semua kolam takungan di Selangor adalah mencukupi, malah melimpah ekoran hujan lebat hampir setiap hari sejak kebelakangan ini.

Syabas pula dalam taklimat sama memaklumkan pihaknya menempatkan 66 lori tangki dalam keadaan siap sedia dan 750 tangki statik sekiranya diperlukan di kawasan strategik untuk membekalkan air pada waktu kecemasan.

SIAP DIBINA (MENUNGGU CCC)

PUTERA 3 AVENUE 3

Kedai Pejabat 2 Tingkat

Peluang Pelaburan Di Pusat Komersial Yang Giat Berkembang

CIRI-CIRI UNGGUL:

- Fasa terakhir Pusat Komersil Putera Avenue
- Tadahan penduduk yang tinggi dari kawasan perumahan berhampiran

AKSES MUDAH:

- Berhampiran Bandar Klang, Westport, Shah Alam & Subang Jaya
- Akses ke Lebuhraya KESAS melalui Persimpangan Jalan Kebun, terdapat juga jalan alternatif tanpa tol ke Shah Alam & Subang Jaya
- Hanya beberapa minit ke Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah, NKVE & LKSA
- Akses ke Jalan Banting melalui Jalan Johan Setia/Jalan Masjid

KEMUDAHAN:

- Pasar Raya Econsave & Pasar Raya Besar AEON BIG di Bukit Rimau
- Kedai 99 Speedmart
- Sekolah rendah & menengah
- Cadangan Klinik kerajaan, balai bomba & polis, kedai & stesen petrol

- Saiz lot: 22' x 70'
- Harga dari RM720,900

Untuk pertanyaan, hubungi **03-5161 8833** www.ioiproperties.com.my/klga/sk

IOI PROPERTIES

Malayapine Estates Sdn Bhd (No. Sykt. 96680-P)
Pejabat Jalan & Pemasaran: Bandar Puteri Klang, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-5161 8833 Faks: 03-5161 0101 Email: marketingklg@ioigroup.com

MENCORAK MASYARAKAT

unisel

 UNIVERSITI SELANGOR

BELAJAR DI UNISEL

Unisel terus cemerlang di dalam 14 tahun pengayaannya di dalam bidang akademik dan berterusan menyediakan pendidikan berkualiti baik dalam negara mahupun di persada antarabangsa. Unisel sangat serius membangun bersama inovasi, kakitangan akademik yang cemerlang dan pengayaan kurikulum bagi memastikan misi, visi dan matlamat tercapai.

PENGAMBILAN JANUARI 2014 SEDANG DI BUKA. MOHON DI www.unisel.edu.my

LEBIH 80 PROGRAM DISEDIKAN

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

- > **DIPLOMA**
- Seni Reka Grafik Digital KPT/JPS(R/213/6/007)05/16
- Teknologi Fotografi KPT/JPS(R/321/4/0042)05/17
- > **Ijazah Sarjana Muda**
- Seni Reka Grafik Digital KPT/JPS(R/213/6/0007)08/16

Fakulti Perniagaan

- > **TAHUN ASAS**
- Pengurusan KPT/JPS(R/345/3/0172)02/17
- > **DIPLOMA**
- Perakaunan KPT/JPS(KR11335)01/15
- Pengurusan Pentadbiran KPT/JPS(R/345/4/0116)10/16
- Pengurusan Perniagaan KPT/JPS(KR11334)06/15
- Pengurusan Industri Sukan KPT/JPS(R/813/4/0010)05/17
- > **IJAZAH SARJANA MUDA**
- Perakaunan KPT/JPS(KR10548)07/14
- Sumber Manusia KPT/JPS(R/345/6/0202)10/17
- Pemasaran KPT/JPS(KR10585)06/14
- Pengurusan Industri KPT/JPS(R/345/6/0115)10/16
- Kewangan KPT/JPS(KR10584)07/14
- Pengurusan Perniagaan KPT/JPS(KR11678)10/15
- > **SARJANA**
- MBA KPT/JPS(KR10727)08/14
- > **PhD**
- Pengurusan KPT/JPS(R/481/8/0189)04/17

Fakulti Bioperubatan dan Sains Kesihatan

- > **DIPLOMA**
- Teknologi Makmal Perubatan KPT/JPS(R/725/04/0011)07/16
- Pengimejan Perubatan KPT/JPS(R/725/4/0012)07/16
- Fisioterapi KPT/JPS(R/726/4/007)07/16
- Kejururawatan KPT/JPS(KA7153)11/15
- Kesihatan Persekitaran KPT/JPS(R/862/4/0006)07/16
- > **IJAZAH SARJANA MUDA**
- Sains Makmal Perubatan KPT/JPS(R/725/6/0016)02/17

Fakulti Sains Komputer dan IT

- > **TAHUN ASAS**
- Teknologi Maklumat KPT/JPS(R/482/3/0008)08/16
- > **DIPLOMA**
- Aplikasi Komputer dalam Perniagaan KPT/JPS(R/482/4/0010)05/16
- Teknologi Maklumat KPT/JPS(KR11336)06/15
- Multimedia KPT/JPS(R/213/4/0012)05/16
- Pengkomputeran Industri KPT/JPS(R/481/4/0043)05/16
- Teknologi Mudahalif KPT/JPS(R/310/4/0002)05/16
- > **IJAZAH SARJANA MUDA**
- Pengurusan Pengetahuan KPT/JPS(R/482/6/0214)09/17
- Teknologi Maklumat KPT/JPS(R/482/6/0009)08/16
- Sains Komputer KPT/JPS(KR11778)12/15
- Kejuruteraan Perisian KPT/JPS(KR11779)10/15
- Multimedia KPT/JPS(R/213/6/0063)05/17
- Teknologi Maklumat dengan Pengurusan Rantaian Bekalan KPT/JPS(R/481/6/0188)05/17
- Keselamatan Rangkaian dan Digital Forensik KPT/JPS(N/481/6/0259)01/18
- > **SARJANA**
- Kejuruteraan Perisian KPT/JPS(R/481/7/0187)05/17
- Teknologi Maklumat KPT/JPS(R/481/7/0186)07/17
- Sains (Pengkomputeran) KPT/JPS(N/481/7/0300)04/18
- > **PhD.**
- Pengkomputeran KPT/JPS(N/481/8/0302)04/18

Fakulti Komunikasi dan Media

- > **DIPLOMA**
- Komunikasi dan Media KPT/JPS(R/321/14/0030)12/16

Fakulti Kejuruteraan

- > **DIPLOMA**
- Awam KPT/JPS(N/526/4/0029)03/18
- Elektrik dan Elektronik KPT/JPS(R/523/4/0061)01/16
- Mekatronik KPT/JPS(R/521/4/0020)01/16
- Mekanikal KPT/JPS(R/521/4/0019)01/16
- > **IJAZAH SARJANA MUDA**
- Awam KPT/JPS(R/526/6/0024)09/17
- Elektrik KPT/JPS(R/522/6/0025)09/17
- Elektronik KPT/JPS(R/523/6/0095)09/17
- Mekanikal KPT/JPS(R/521/6/0037)09/17

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial

- > **TAHUN ASAS**
- TESL KPT/JPS(R/144/3/0003)07/17
- > **DIPLOMA**
- Pengajian Islam KPT/JPS(R/521/6/0037)09/17
- TESL KPT/JPS(R/145/4/0021)02/17
- Sains Perpustakaan KPT/JPS(R/322/4/0003)10/16
- Pra Sekolah KPT/JPS(R/143/4/0001)07/16
- > **IJAZAH SARJANA MUDA**
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak KPT/JPS(N/143/6/0022)01/17
- Sains Perpustakaan KPT/JPS(N/322/6/0002)07/16
- Psikologi Industri KPT/JPS(R/311/6/0018)01/18
- TESL KPT/JPS(R/145/6/0013)08/16
- > **SARJANA**
- Pendidikan (Pengurusan Disiplin) KPT/JPS(R/145/7/0005)12/16
- Pendidikan (Pengurusan Sukan dan Kokurikulum) KPT/JPS(R/145/7/0003)07/16
- > **PhD.**
- Pendidikan KPT/JPS(R/140/8/0001)01/15
- Doktor Pendidikan KPT/JPS(R/1480/8/0005)07/17
- Sains Sosial KPT/JPS(R/312/8/0005)09/18

Fakulti Sains dan Bioteknologi

- > **TAHUN ASAS**
- Sains KPT/JPS(R/421/3/0009)03/17
- > **DIPLOMA**
- Akuakultur KPT/JPS(KA7848)01/14
- Bioteknologi KPT/JPS(R/545/4/0021)06/18
- Teknologi Industri KPT/JPS(R/520/4/0044)09/18
- Sains Kuantitatif KPT/JPS(N/462/4/0004)07/17
- > **IJAZAH SARJANA MUDA**
- Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan KPT/JPS(KA9847)12/14
- Bioinformatik KPT/JPS(KR10587)06/14
- Bioteknologi KPT/JPS(R/545/4/0022)06/18
- Matematik dengan Statistik KPT/JPS(R/461/6/0001)11/16
- Teknologi Industri KPT/JPS(N/540/6/0007)07/17
- Teknologi Bahan KPT/JPS(N/540/6/0006)07/17
- > **SARJANA**
- Sains Bioteknologi KPT/JPS(KR10586)06/14
- Sains KPT/JPS(N/422/7/0004)11/17
- Sains Hayat KPT/JPS(N/421/7/0013)06/18

Borang Permohonan (Pengambilan Januari 2014)

(Potong disini)

Nama :

Alamat :

No. K/P : No. Tel : E-mel :

Program :

dipohon :

(Sila sertakan salinan sijil/transkrip SPM/ISTPM/Matrikulasi/Diploma/Sarjana Muda untuk mempercepatkan proses penawaran)

Untuk maklumat lanjut, hubungi :
03-5522 3400/3535/3435/3436

Atau emel :
admission@unisel.edu.my

Pejabat Pemasaran dan Kemasukan Universiti Selangor
Jalan Zirkon A 7/A Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor
Faks : 03-5522 3563 / 03-5510 9277
(KPT/JPS/DFT/US/B06) | (KPT/JPS/DFT/US/B18)



Penyambungan saluran paip air selesai dan Syarifah (tiga dari kanan) kini mendapat bekalan air bersih

10 tahun hidup tanpa air bersih

OLEH NAEEM RAFFI

KUALA SELANGOR - Jalani kehidupan harian tanpa bekalan air dan hanya memperoleh sumber daripada jiran tetangga selama hampir 10 tahun, adalah detik hitam yang tidak mampu dilupakan buat Sharifah Tomat, 40 dari Kampung Api-Api.

Gara-gara masalah status kediamannya mempunyai ramai penama, menyukarkan Syarifah untuk memohon penyambungan bekalan air bersih daripada Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas).

Kini, beliau mampu menarik nafas lega apabila rintihannya mendapat perhatian Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Bukit Melawati yang memberikan bantuan RM1,500 bagi kerja-kerja penyambungan saluran paip dari sambungan utama.

“Mungkin sebab saya tinggal seorang diri dan tiada tanggungan, maka saya tidak diberi perhatian sehingga berlalutan bertahun-tahun lamanya. Selain saya, ramai lagi penduduk di kawasan ini berdepan masalah sama,” katanya.

Sementara itu, Penyelaras PKM Dun Bukit Melawati, S. Manikavasagam menjelas-

“**Masalah ini bukan sahaja membelit Sharifah, malah terdapat ramai lagi yang belum mendapat kemudahan asas bekalan air bersih di sekitar kawasan ini**

S. MANIKAVASAGAM
Penyelaras PKM DUN
Bukit Melawati

kan, Pakatan Rakyat (PR) berjaya menyelesaikan lebih 200 aduan rakyat selain menjayakan program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di Kuala Selangor.

“Wakil rakyat Barisan Nasional (Jakiran Jakomah) walaupun menang, tidak menyelami masalah rakyat, malah tidak memperdulikan keperluan asas rakyat,” ujarinya.

“Masalah ini bukan sahaja membelit Sharifah, malah terdapat ramai lagi yang belum mendapat kemudahan asas bekalan air bersih di sekitar kawasan ini,” tambahnya.

WAKTU SOLAT SELANGOR

20 - 27 Dis 2013
17 - 24 SAFAR 1435H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Jumaat	5:42	5:52	7:14	1:14	4:36	7:10	8:25
21 Sabtu	5:42	5:52	7:14	1:14	4:37	7:10	8:25
22 Ahad	5:43	5:53	7:15	1:15	4:37	7:11	8:26
23 Isnin	5:43	5:53	7:16	1:15	4:38	7:11	8:26
24 Selasa	5:44	5:54	7:16	1:16	4:38	7:12	8:27
25 Rabu	5:44	5:54	7:17	1:16	4:39	7:12	8:27
26 Khamis	5:45	5:55	7:17	1:17	4:39	7:13	8:27
27 Jumaat	5:45	5:55	7:18	1:17	4:40	7:13	8:28

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Jumaat	5:44	5:54	7:16	1:16	4:38	7:12	8:26
21 Sabtu	5:44	5:54	7:17	1:16	4:39	7:12	8:27
22 Ahad	5:45	5:55	7:17	1:17	4:39	7:13	8:27
23 Isnin	5:45	5:55	7:18	1:17	4:40	7:13	8:28
24 Selasa	5:46	5:56	7:18	1:18	4:40	7:14	8:28
25 Rabu	5:46	5:56	7:19	1:18	4:41	7:14	8:29
26 Khamis	5:47	5:57	7:19	1:19	4:41	7:15	8:29
27 Jumaat	5:47	5:57	7:20	1:19	4:42	7:15	8:30



DAR AL IMAM AL RAZI @space u8, SHAH ALAM
<http://www.facebook.com/DarImamAlRazi>
Space U8, Unit B2-6-1, No. 6 Persiaran Pasak Bumi, Seksyen U8, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

PENGAJIAN BAHASA ARAB

BAHASA QUR'AN | BAHASA SYURGA

USTAZ & USTAZAH ORANG ARAB
UNTUK SEMUA PERINGKAT UMUR
PENGAJIAN AL-QUR'AN BERSAMA ANAK ANAK ARAB
SILIBUS DISUSUN RAPI DARI ARAB SAUDI



space u8
MALAYSIA'S FIRST ECO-MALL

MOHD RAZI HALIB (PENGARAH URUSAN)
012-324 6658
AMINUDDIN (BAHAGIAN PENTADBIRAN) | PEJABAT URUSAN MADRASAH
017-976 7055 | 03-5033 4866

Selangor **bantah** kenaikan tol



Kenaikan kadar tol membebankan pengguna yang sudah sedia terbeban dengan kenaikan harga barangan

SHAH ALAM - Anak syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor yang mempunyai pegangan saham di syarikat konsesi lebuhraya diarah untuk menentang kenaikan kadar tol tahun depan.

Kerajaan Negeri akan menggunakan kedudukannya sebagai pemilik saham minoriti di tiga syarikat konsesi lebuhraya di Selangor untuk menghentikan kenaikan tol yang dirancang Kerajaan Pusat bersama pengusaha konsesi.

"Kami arahkan ahli lembaga pengarah yang mewakili PKNS dalam syarikat konsesi membuat beberapa cadangan kepada syarikat ini untuk minta tidak dinaikkan tol tersebut demi menjaga kepentingan rakyat," tegas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Agensi berita Bernama melaporkan, kenaikan kadar tol antara 30 sen hingga RM1 di 13 lebuhraya bermula 1 Januari tahun depan.

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dilaporkan memiliki tidak lebih daripada 30 peratus saham dalam konsesi Lebuhraya Shah Alam

(Kesas), Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) dan Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (Sprint).

Menurut Abdul Khalid, keputusan terakhir akan dibuat lembaga pengarah lebuhraya berkenaan selepas bantahan Kerajaan Negeri dikemukakan.

Sementara itu, Penasihat Ekonomi Selangor, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata langkah ini merupakan isyarat kepada Kerajaan Pusat untuk tidak lepas tangan dalam isu ini.

Katanya, Kerajaan Pusat juga boleh menggunakan kedudukannya untuk mempengaruhi konsesi lebuhraya.

"Kami mahu berikan pesanan kepada Kerajaan Persekutuan, mereka boleh lakukan perkara sama dengan syarikat berkaitan kerajaan yang memiliki saham dalam syarikat konsesi lebuhraya," tegas Anwar.

Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli, berkata tiga kumpulan terbesar pemegang konsesi lebuhraya, iaitu Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (Plus), Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (Prolintas) dan Gamuda

Bhd mempunyai hubungan dengan kerajaan.

Menurut Rafizi, Plus dikuasai sepenuhnya oleh agensi-agensinya kerajaan, iaitu Khazanah dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

KWSP, bersama-sama Tabung Haji, Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), unit-unit Amanah Saham dan pelbagai lagi agensi kerajaan, mempunyai 22.59 peratus pegangan di dalam Gamuda.

Malah, Prolintas adalah anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Tambahan pula, sebahagian besar daripada konsesi tol mendapat bantuan penuh Kerajaan semasa pembinaan, seperti subsidi kewangan untuk pengambilan tanah, pembiayaan mudah melalui Bank Pembangunan dan geran kewangan kepada pemegang konsesi.

"Alasan bahawa kenaikan tol tidak dapat dielakkan kerana perjanjian yang dimeterai dengan swasta, tidak dapat diterima kerana sebahagian besar konsesi tol dikuasai kerajaan, sama ada secara langsung atau tidak langsung," jelas Rafizi.

Konsesi tol catat keuntungan melampau

SHAH ALAM - Alasan kerajaan perlu membayar RM400 juta sebagai pampasan kepada pengusaha konsesi, sekiranya menghalang syarikat-syarikat berkenaan mengaut keuntungan berlipat ganda melalui kenaikan kadar baru adalah tidak munasabah.

Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli, berkata hakikatnya pengusaha konsesi mencatatkan keuntungan 'melampau' (*obscene profit*) yang bertambah setiap tahun, dan akhirnya kembali ke kantung Putrajaya, kerana majoriti pemegang konsesi sebenarnya dikuasai kerajaan.

"Sebarang kenaikan kadar tol sebenarnya sama dengan kerajaan mencukai rakyat dengan cukai tambahan kerana keuntungan syarikat-syarikat pemegang konsesi yang dimiliki kerajaan ini, akhirnya kembali ke kantung Putrajaya untuk diborosi oleh Datuk Seri Najib Razak dan kabinetnya," tegas Rafizi.

Rafizi juga menjelaskan, kekeliruan yang cuba ditimbulkan isu pampasan ini, yang disifatkan seperti subsidi untuk mengekalkan kadar tol pada paras lebih rendah.

"Dalam kes kenaikan kadar

tol, jumlah kos yang ditanggung pada kadar tol sekarang pun sudah terlalu rendah hingga memberikan keuntungan yang melampau tinggi kepada pemegang konsesi," jelasnya.

Dari data yang diperoleh, Rafizi menegaskan, keuntungan konsesi kekal tinggi kerana margin keuntungan yang besar. Kos penyelenggaraan lebuhraya sehingga serendah 6 peratus sahaja setiap tahun, dan peningkatan jumlah kenderaan saban tahun.

Bagi tahun 2011 sahaja, Plus mencatatkan keuntungan bersih sebelum cukai RM2.515 bilion dari jumlah kutipan dan perolehan RM4.098 bilion. Bagi tahun 2013, Littrak Berhad mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM180 juta dari jumlah kutipan dan perolehan RM369 juta.

"Dalam keadaan kos operasi sudah pun rendah, keuntungan yang dinikmati merupakan antara yang tertinggi berbanding industri-industri lain. Oleh sebab itu, sebarang kenaikan kadar tol menghinakan rakyat pada kala kerajaan dan pemegang konsesi bermewah dengan keuntungan yang sudah pun terlalu tinggi," kata Rafizi.

Peningkatan Jumlah Kenderaan

Lebuhraya	Tahun	Jumlah Kenderaan	Peratus Peningkatan
PLUS	2010	417 juta setahun	8%
LDP	2013	497,000 seminggu	3.3%
Sprint	2013	237,000 seminggu	4.4%
KESAS	2013	290,000 sehari	5.0%
Maju Expressway	2010	78,962 sehari	8.1%